

PROMOSI HLB CONNECT: PEMBAYARAN BIL, TAMBAH NILAI PRABAYAR, QR PAY, FPX ATAU DUITNOW ONLINE BANKING/WALLETS (“FPX/DUITNOW OBW”) [\(English Version\)](#)

Kemas Kini Terakhir pada 5 Julai 2024

TEMPOH PROMOSI

“Promosi HLB Connect: Pembayaran Bil, Tambah Nilai Prabayar, QR Pay, FPX/DuitNow OBW” (“Promosi”) Hong Leong Bank Berhad (193401000023 (97141-X)) (“HLB”) dan Hong Leong Islamic Bank Berhad (200501009144 (686191-W)) (“HLISB”) (“selepas ini secara kolektif dirujuk sebagai “Bank”) bermula pada 8 Julai 2024 dan berakhir pada 7 September 2024 (“Tempoh Promosi”), termasuk kedua-dua tarikh, melainkan diberitahu sebaliknya.

TERMA & SYARAT

Berikut adalah terma dan syarat yang terpakai untuk Promosi (“T&S”):

KELAYAKAN

- Promosi ini terbuka untuk pelanggan individu Bank warga Malaysia dan bukan warga Malaysia yang merupakan pengguna HLB Connect baharu dan sedia ada (“HLB Connect”) dan memiliki Akaun Semasa atau Simpanan HLB/Akaun Semasa atau Simpanan-i HLISB (“CASA/CASA-i”) dengan Bank dan/atau Kad Kredit HLB (“Kad Kredit”) dengan HLB (selepas ini dirujuk sebagai “Pelanggan”). Pelanggan dengan HLB Wallet atau HLB Wallet-i dikecualikan daripada Promosi ini.
- Bank berhak untuk membatalkan mana-mana Pelanggan yang:
 - pernah melakukan, atau pada masa ini disyaki melakukan tindakan penipuan, menyalahi undang-undang atau perbuatan yang salah berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberikan oleh Bank;
 - menghadapi prosiding muflis, atau telah diisytiharkan muflis sama ada sebelum, semasa atau selepas Tempoh Promosi; dan/atau
 - telah melanggar mana-mana terma dan syarat Promosi ini, terma dan syarat CASA/CASA-i dan/atau Kad Kredit, Terma dan Syarat Am Akaun dan Terma dan Syarat bagi penggunaan HLB Connect (“Terma dan Syarat yang Terpakai”) pada bila-bila masa sebelum, semasa atau selepas Tempoh Promosi.

TATACARA PROMOSI DAN PEMILIHAN PEMENANG

- Untuk menyertai Promosi ini, Pelanggan perlu memenuhi pra-syarat berikut:
 - mendaftar, muat turun dan log masuk HLB Connect dan melaksanakan sebarang jenis transaksi (“Transaksi”)** (seperti dinyatakan dalam Jadual 1 di bawah) semasa Tempoh Promosi (hanya terpakai untuk pengguna HLB Connect yang baharu); atau
 - log masuk HLB Connect dan melaksanakan mana-mana Transaksi** (seperti dinyatakan dalam Jadual 1 di bawah) semasa Tempoh Promosi (hanya terpakai untuk pengguna HLB Connect sedia ada)

(Pelanggan yang telah memenuhi syarat-syarat berkaitan yang dinyatakan di bawah Klausula 3 di atas selepas ini akan dirujuk sebagai “Pelanggan yang Layak”).

- Pelanggan yang Layak akan berpeluang memenangi pulangan tunai yang disenaraikan (“Pulangan Tunai”), seperti ditunjukkan dalam Jadual 1 di bawah.

Jadual 1

Jenis Transaksi & Pulangan Tunai	Minggu Promosi	Kaedah Pemilihan Pemenang	Jumlah Peruntukan/Pemenang
----------------------------------	----------------	---------------------------	----------------------------

HLB Connect App			
QR Pay Pulangan Tunai Segera sehingga RM4.50	Minggu 1: 8 – 14 Julai 2024	<ul style="list-style-type: none"> Melaksanakan pembayaran QR dengan mana-mana peniaga DuitNow (minimum sebanyak RM10) menggunakan HLB Connect App dengan mengambil dana daripada CASA/CASA-i atau Kad Kredit. Pelanggan yang Layak boleh mendapat Pulangan Tunai RM0.10 setiap pembayaran QR yang berjaya, Pulangan Tunai sehingga RM0.50 setiap Minggu Promosi, dan Pulangan Tunai sehingga RM4.50 setiap Tempoh Promosi. Pulangan Tunai akan dikreditkan ke dalam CASA/CASA-i atau Kad Kredit Pelanggan yang Layak serta-merta selepas menyelesaikan transaksi yang berjaya. Pulangan Tunai Segera diberi atas dasar siapa cepat dia dapat, terhad kepada peruntukan mingguan untuk Promosi ini, seperti yang ditangkap oleh sistem Bank. 	RM10,000
	Minggu 2: 15 – 21 Julai 2024		RM10,000
	Minggu 3: 22 – 28 Julai 2024		RM10,000
	Minggu 4: 29 Julai – 4 Ogos 2024		RM10,000
	Minggu 5: 5 – 11 Ogos 2024		RM10,000
	Minggu 6: 12 – 18 Ogos 2024		RM10,000
	Minggu 7: 19 – 25 Ogos 2024		RM10,000
	Minggu 8: 26 Ogos – 1 September 2024		RM10,000
	Minggu 9: 2 – 7 September 2024		RM10,000
Prepaid Reload Pulangan Tunai Segera sehingga RM4.50	Minggu 1: 8 – 14 Julai 2024	<ul style="list-style-type: none"> Melaksanakan sebarang tambah nilai prabayar (minimum sebanyak RM10) menggunakan HLB Connect App dengan mengambil dana daripada CASA/CASA-i. Pelanggan yang Layak boleh mendapat Pulangan Tunai RM0.10 setiap tambah nilai prabayar yang berjaya, Pulangan Tunai sehingga RM0.50 setiap Minggu Promosi, dan Pulangan Tunai sehingga RM4.50 setiap Tempoh Promosi. 	RM10,000
	Minggu 2: 15 – 21 Julai 2024		RM10,000
	Minggu 3: 22 – 28 Julai 2024		RM10,000
	Minggu 4: 29 Julai – 4 Ogos 2024		RM10,000
	Minggu 5: 5 – 11 Ogos 2024		RM10,000

	<p><u>Minggu 6:</u> 12 – 18 Ogos 2024</p>	<ul style="list-style-type: none"> Pulangan Tunai akan dikreditkan ke dalam CASA/CASA-i Pelanggan yang Layak serta-merta selepas menyelesaikan transaksi yang berjaya. Pulangan Tunai Segera diberi atas dasar siapa cepat dia dapat, terhad kepada peruntukan mingguan untuk Promosi ini, seperti yang ditangkap oleh sistem Bank. 	RM10,000
	<p><u>Minggu 7:</u> 19 – 25 Ogos 2024</p>		RM10,000
	<p><u>Minggu 8:</u> 26 Ogos – 1 September 2024</p>		RM10,000
	<p><u>Minggu 9:</u> 2 – 7 September 2024</p>		RM10,000
<p><u>Pembayaran Bil:</u> (i) <u>Pengguna baharu:</u> Pulangan Tunai RM30 (ii) <u>Pengguna sedia ada:</u> Pulangan Tunai RM70</p>	<p><u>Minggu 1:</u> 8 – 14 Julai 2024</p>	<p><u>(i) Pengguna baharu:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> Melaksanakan sebarang pembayaran bil buat kali pertama (minimum sebanyak RM20) menggunakan HLB Connect App dengan mengambil dana daripada CASA/CASA-i atau Kad Kredit. Tiga puluh (30) orang pertama Pelanggan yang Layak yang mengumpulkan jumlah transaksi pembayaran bil tertinggi pada akhir Minggu Promosi akan dipilih untuk menang. Pelanggan yang Layak hanya boleh memenangi satu (1) Pulangan Tunai sepanjang Tempoh Promosi. <p><u>(ii) Pengguna sedia ada:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> Melaksanakan sebarang pembayaran bil (minimum sebanyak RM20) menggunakan HLB Connect App dengan mengambil dana daripada CASA/CASA-i atau Kad Kredit. Dua puluh (20) orang pertama Pelanggan yang Layak yang mengumpulkan jumlah transaksi pembayaran bil tertinggi pada akhir Minggu Promosi akan dipilih untuk menang. 	<p><u>(i) Pengguna baharu:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> 30 Pemenang setiap Minggu Promosi. Seramai 270 orang Pemenang sepanjang Tempoh Promosi. <p><u>(ii) Pengguna sedia ada:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> 20 Pemenang setiap Minggu Promosi. Seramai 180 orang Pemenang sepanjang Tempoh Promosi.
	<p><u>Minggu 2:</u> 15 – 21 Julai 2024</p>		
	<p><u>Minggu 3:</u> 22 – 28 Julai 2024</p>		
	<p><u>Minggu 4:</u> 29 Julai – 4 Ogos 2024</p>		
	<p><u>Minggu 5:</u> 5 – 11 Ogos 2024</p>		
	<p><u>Minggu 6:</u> 12 – 18 Ogos 2024</p>		
	<p><u>Minggu 7:</u> 19 – 25 Ogos 2024</p>		
	<p><u>Minggu 8:</u> 26 Ogos – 1 September 2024</p>		
	<p><u>Minggu 9:</u> 2 – 7 September 2024</p>		

		<ul style="list-style-type: none"> Pelanggan yang Layak hanya boleh memenangi satu (1) Pulangan Tunai sepanjang Tempoh Promosi. 	
HLB Connect Online			
FPX/DuitNow OBW: (i) Pengguna baharu: Pulangan Tunai RM30 (ii) Pengguna sedia ada: Pulangan Tunai RM70	Minggu 1: 8 – 14 Julai 2024	(i) Pengguna baharu: <ul style="list-style-type: none"> Melaksanakan pembayaran FPX/DuitNow OBW buat kali pertama (minimum sebanyak RM10) menggunakan HLB Connect Online dengan mengambil dana daripada CASA/CASA-i atau Kad Kredit. Tiga puluh (30) orang pertama Pelanggan yang Layak yang mengumpulkan jumlah transaksi FPX/DuitNow OBW tertinggi pada akhir Minggu Promosi akan dipilih untuk menang. Pelanggan yang Layak hanya boleh memenangi satu (1) Pulangan Tunai sepanjang Tempoh Promosi. (ii) Pengguna sedia ada: <ul style="list-style-type: none"> Melaksanakan sebarang pembayaran bil (minimum sebanyak RM10) menggunakan HLB Connect Online dengan mengambil dana daripada CASA/CASA-i atau Kad Kredit. Dua puluh (20) orang pertama Pelanggan yang Layak yang mengumpulkan jumlah transaksi FPX/DuitNow OBW tertinggi pada akhir Minggu Promosi akan dipilih untuk menang. Pelanggan yang Layak hanya boleh memenangi satu (1) Pulangan Tunai sepanjang Tempoh Promosi. 	(i) Pengguna baharu: <ul style="list-style-type: none"> 30 Pemenang setiap Minggu Promosi. Seramai 270 orang Pemenang sepanjang Tempoh Promosi. (ii) Pengguna sedia ada: <ul style="list-style-type: none"> 20 Pemenang setiap Minggu Promosi. Seramai 180 orang Pemenang sepanjang Tempoh Promosi.
	Minggu 2: 15 – 21 Julai 2024		
	Minggu 3: 22 – 28 Julai 2024		
	Minggu 4: 29 Julai – 4 Ogos 2024		
	Minggu 5: 5 – 11 Ogos 2024		
	Minggu 6: 12 – 18 Ogos 2024		
	Minggu 7: 19 – 25 Ogos 2024		
	Minggu 8: 26 Ogos – 1 September 2024		
	Minggu 9: 2 – 7 September 2024		

5. Setiap Pelanggan yang Layak layak menerima Pulangan Tunai sehingga **Ringgit Malaysia Empat Dan Lima Puluh Sen (RM4.50)** daripada QR Pay, Pulangan Tunai sehingga **Ringgit**

Malaysia Empat Dan Lima Puluh Sen (RM4.50) daripada Tambah Nilai Prabayar, Pulangan Tunai sehingga **Ringgit Malaysia Tujuh Puluh (RM70)** daripada Pembayaran Bil dan Pulangan Tunai sehingga **Ringgit Malaysia Tujuh Puluh (RM70)** daripada FPX/DuitNow OBW; sepanjang Tempoh Promosi, selagi mereka memenuhi syarat dan keperluan Promosi yang ditetapkan dalam Jadual 1 di atas.

6. Jumlah Pulangan Tunai untuk Promosi ini ialah:
 - (i) peruntukan QR Pay dan Tambah Nilai Prabayar adalah terhad kepada Pulangan Tunai Ringgit Malaysia Sembilan Puluh Ribu (RM90,000) setiap satu; dan
 - (ii) peruntukan Pembayaran Bil dan FPX/DuitNow OBW adalah terhad kepada Pulangan Tunai Ringgit Malaysia Dua Puluh Ribu Tujuh Ratus setiap satu.

PEMENUHAN PULANGAN TUNAI

7. Senarai Pemenang Pulangan Tunai (sebagai Pulangan Tunai yang diperolehi daripada Pembayaran Bil dan FPX/DuitNow OBW ("**Pemenang Pulangan Tunai Pembayaran Bil dan FPX/DuitNow OBW**")) akan disiarkan melalui www.hlb.com.my/dbpconnect ("**Laman Web Promosi**") pada **2 Disember 2024** dan akan dimaklumkan oleh Bank melalui pemberitahuan semerta HLB Connect App ("**Pemberitahuan Aplikasi**") pada **4 Disember 2024**. Pemenang Pulangan Tunai bertanggungjawab untuk memeriksa jika mereka telah menang dengan melayari Laman Web Promosi pada tarikh-tarikh yang ditetapkan.
8. Pulangan Tunai akan dikreditkan ke dalam akaun Pemenang Pulangan Tunai Pembayaran Bil dan FPX/DuitNow OBW CASA/CASA-i dan atau Kad Kredit dengan Bank pada **14 Februari 2025**. Oleh yang demikian, Pemenang Pulangan Tunai Pembayaran Bil dan FPX/DuitNow OBW perlu mengekalkan CASA/CASA-i dan/atau Kad Kredit yang sah dan aktif sehingga 14 Februari 2025. Sekiranya mereka gagal, Pulangan Tunai akan dibatalkan.

Sebagai contoh, jika Pelanggan yang Layak melaksanakan transaksi Pembayaran Bil menggunakan Kad Kredit, Pulangan Tunai akan dikreditkan ke dalam akaun Kad Kredit. Jika Pelanggan yang Layak membatalkan Kad Kredit ini sebelum Pulangan Tunai dikreditkan, Pulangan Tunai tersebut akan dibatalkan
9. Menjadi kewajipan semua Pemenang Pulangan Tunai Pembayaran Bil dan FPX/DuitNow OBW untuk menghubungi Bank **sebelum 28 Februari 2025** jika Pulangan Tunai tidak diterima. Selepas tarikh ini, Pemenang Pulangan Tunai Pembayaran Bil dan FPX/DuitNow OBW dianggap telah menerima Pulangan Tunai dan sebarang tuntutan pembayaran balik **selepas 28 Februari 2025** tidak akan diproses.
10. Pulangan Tunai Segera (sebagai Pulangan Tunai yang diperolehi daripada QR Pay dan Tambah Nilai Prabayar ("**Pemenang Pulangan Tunai QR Pay dan Tambah Nilai Prabayar**")) akan dikreditkan ke dalam akaun Pemenang Pulangan Tunai QR Pay dan Tambah Nilai Prabayar CASA/CASA-i dan/atau Kad Kredit serta-merta selepas berjaya menyelesaikan Transaksi. Sebaik sahaja jumlah peruntukan mingguan telah dicapai, tiada Pulangan Tunai Segera akan diberikan kepada Pelanggan yang Layak untuk baki jam atau hari dalam minggu tersebut. Bank tidak mempunyai kewajipan untuk memaklumkan Pelanggan yang Layak sebaik sahaja had jumlah peruntukan mingguan telah dicapai.
11. Semua Pulangan Tunai tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana pihak ketiga dan tidak boleh ditukar dengan jenis hadiah, pendahuluan kredit, cek atau manfaat barangan.
12. Setakat mana yang dibenarkan oleh undang-undang, Bank tidak bertanggungjawab terhadap semua liabiliti yang timbul daripada sebarang penangguhan atau kelewatan dalam menyediakan Pulangan Tunai disebabkan oleh sebarang keadaan luar jangkaan di luar kawalan Bank yang munasabah.

AM

13. Dengan menyertai Promosi ini, Pelanggan yang Layak:
- (i) mengesahkan bahawa mereka telah membaca, memahami, menerima dan bersetuju dengan Terma dan Syarat yang Terpakai;
 - (ii) bersetuju bahawa semua rekod tentang pemenuhan syarat yang dirakamkan oleh sistem Bank dalam Tempoh Promosi dan pemilihan Pemenang Pulangan Tunai adalah muktamad dan tidak boleh dipertikaikan;
 - (iii) bersetuju bahawa keputusan Bank tentang semua perkara berkaitan Promosi adalah muktamad, tidak boleh dipertikaikan dan terikat bagi semua Pelanggan yang Layak;
 - (iv) memberi persetujuan dan membenarkan Bank untuk mendedahkan data peribadi mereka iaitu nombor mudah alih kepada Infobip Asia Pacific Sdn Bhd (201001014145 (898379-U)) dan/atau alamat e-mel kepada DCatalyst Sdn Bhd (200801017996 (819292-U)), yang merupakan penyedia perkhidmatan yang dilantik oleh Bank untuk menyediakan perkhidmatan SMS dan/atau e-mel bagi tujuan Promosi ini;
 - (v) bersetuju untuk bertanggungjawab menyediakan butiran hubungan mereka yang sah dan terkini kepada Bank termasuk nombor mudah alih dan alamat e-mel, dan segera memaklumkan Bank sekiranya berlaku sebarang perubahan. Bank tidak akan dipertanggungjawabkan/bertanggungjawab sekiranya Bank tidak dapat menghubungi Pelanggan yang Layak, atau SMS dan/atau e-mel tidak dapat disampaikan, jika berkenaan, disebabkan nombor mudah alih dan/atau alamat e-mel yang diberikan oleh Pelanggan yang Layak tidak tepat/tidak sah;
 - (vi) bersetuju dan membenarkan Bank untuk menggunakan, mendedahkan atau menyiarkan data peribadi mereka (iaitu nama dan nombor ID dan/atau akaun yang disembunyikan) bagi tujuan pengumuman Pemenang Pulangan Tunai tanpa bayaran untuk tujuan publisiti, pengiklanan atau promosi dalam mana-mana media;
 - (vii) bersetuju untuk mengakses Laman Web Promosi pada selang masa yang kerap untuk melihat T&S Promosi ini dan untuk memastikan mereka mengetahui sebarang perubahan atau perbezaan terkini mengenai T&S tersebut;
 - (viii) bersetuju bahawa sebarang SMS dan/atau e-mel yang dihantar kepada Pelanggan yang Layak adalah bergantung sepenuhnya kepada Pelanggan yang Layak memiliki simpanan peti masuk yang mencukupi untuk menerima SMS dan/atau e-mel dan ketersediaan dan kualiti perkhidmatan penyedia perkhidmatan/rangkaian yang berkenaan dan memahami sepenuhnya bahawa Bank tidak mempunyai sebarang kawalan apa pun sekiranya:
 - (a) SMS terlambat, tidak dihantar atau menghadapi sebarang isu penghantaran disebabkan oleh kesesakan trafik SMS, kegagalan rangkaian dan/atau gangguan yang mungkin dialami oleh rangkaian telekomunikasi yang berkaitan; dan/atau
 - (b) e-mel terlambat, tidak dihantar atau menghadapi sebarang isu penghantaran oleh penyedia e-mel yang berkaitan yang termasuk tetapi tidak terhad kepada pelencongan atau penapisan e-mel tersebut sebagai e-mel sampah atau spam oleh penyedia e-mel Pelanggan yang Layak.(selepas ini dirujuk sebagai "**Kegagalan Rangkaian**")

Oleh yang demikian, Bank tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang kerugian atau perbelanjaan yang ditanggung oleh Pelanggan yang Layak atau mana-mana pihak ketiga akibat sebarang kelambatan atau kegagalan menerima sebarang transmisi SMS dan/atau e-mel daripada Bank dan begitu juga sebaliknya disebabkan oleh Kegagalan Rangkaian. Rayuan bagi kelewatan atau kegagalan sedemikian tidak akan diproses;
 - (ix) bersetuju untuk bertanggungjawab untuk sebarang caj syarikat telekomunikasi atau Wi-Fi, caj perayauan atau telefon, sama ada di dalam atau di luar Malaysia disebabkan oleh komunikasi dengan Bank berkaitan dengan Promosi ini; dan
 - (x) bersetuju untuk bertanggungjawab dan secara peribadi menanggung semua cukai, yuran kerajaan atau sebarang bayaran lain yang berkaitan yang dikenakan terhadap mereka oleh undang-undang yang terpakai, sekiranya ada, berhubung dengan penyertaan mereka dalam Promosi ini

14. Bank berhak:

- (i) dengan memberi notis awal kepada Pelanggan yang Layak, untuk menambah, memadam, menggantung atau mengubah mana-mana atau semua T&S yang terkandung di sini sama ada sepenuhnya atau sebahagiannya atau menamatkan Promosi dengan cara menyiarkan di Laman Web Promosi;
 - (ii) membatalkan Pulangan Tunai sekiranya Pelanggan yang Layak tidak mematuhi Terma dan Syarat yang Terpakai; dan
 - (iii) untuk menarik balik Pulangan Tunai ekiranya terdapat sebarang penipuan, pelanggaran yang dikesan terhadap Terma dan Syarat yang Terpakai.
15. Pelanggan yang Layak bersetuju bahawa Terma dan Syarat yang Terpakai hendaklah dibaca bersama-sama sebagai keseluruhan perjanjian. Sekiranya terdapat percanggahan, T&S tertentu yang terkandung di sini akan digunakan bagi merangkumi percanggahan tersebut
16. Sekiranya terdapat percanggahan antara T&S yang tersenarai di sini dengan mana-mana iklan, promosi, publisiti dan bahan lain berhubung atau berkait dengan Promosi ini, T&S yang muktamad pada Laman Web Promosi akan digunakan.
17. T&S ini akan ditadbirkan dan dianggap mematuhi undang-undang Malaysia dan Pelanggan yang Layak bersetuju untuk menghormati bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.
18. Melainkan dinyatakan sebaliknya, kata-kata yang menandakan satu jantina merangkumi semua jantina yang lain dan kata-kata yang menandakan yang tunggal merangkumi jamak dan begitu juga sebaliknya.

Ahli PIDM. Produk CASA/CASA-i dilindungi oleh PIDM sehingga RM250,000 bagi setiap pendeposit (rujuk [Produk yang Layak untuk Perlindungan PIDM](#)).

Produk CASA-i adalah akaun deposit berdasarkan kontrak Syariah Tawarruq.

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan mengenai terma dan syarat dan/atau memerlukan Salinan terma dan syarat dalam versi Bahasa Malaysia, sila e-mel kami di honline@hlbb.hongleong.com.my atau hubungi 03-7626 8899.